

Penggunaan Kaedah Anotasi Dalam Kemahiran Kefahaman Membaca

Maryana Mohamad

maryana_mohamad@schools.gov.sg

Affarita Abdul Jaffar

affarita_abdul_jaffar@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Casuarina

Abstrak

Kajian ini meninjau keberkesanan kaedah anotasi dalam kefahaman membaca. Murid Darjah 5 praaras kebolehan dan pada aras kebolehan tidak berupaya menjawab soalan kefahaman dengan tepat kerana mereka kurang memahami petikan kefahaman yang dibaca. Melalui kaedah penggunaan anotasi, mereka dapat menilai pemahaman dan mengesan kelemahan mereka semasa menjawab soalan kefahaman. Analisis kuantitatif bagi praujian dan pascaujian digunakan untuk melihat keberkesanan kaedah anotasi ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid kini terdorong untuk melakukan anotasi bagi mendapatkan gambaran keseluruhan serta meningkatkan pemahaman terhadap petikan teks kefahaman. Kaedah ini berguna dalam mempersiapkan dan memperlengkap murid dengan kemahiran membaca beserta pemahaman untuk menjawab soalan-soalan kefahaman dalam ujian.

Kata Kunci: kefahaman, anotasi, kefahaman subjektif



PENGENALAN

Kefahaman membaca merupakan satu kemahiran yang penting dalam memastikan kejayaan dalam pembelajaran bagi setiap murid kerana pemahaman merupakan tahap tertinggi kemahiran membaca. Tanpa kemahiran tersebut, murid akan mengalami kesukaran dalam pembelajaran semua mata pelajaran. Maka kebolehan memahami bahan bacaan yang dibaca dapat membantu murid memberi respons yang wajar semasa menjawab soalan kefahaman.

Guru sering mendapati bahawa murid menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan kefahaman subjektif. Salah satu sebabnya ialah murid secara umumnya tidak dapat memahami isi cerita yang terkandung dalam petikan. Pemahaman petikan merupakan satu keperluan asas dalam menjawab soalan-soalan kefahaman. Murid sering mendapat markah yang rendah dalam komponen kefahaman subjektif disebabkan oleh kelemahan mereka memahami petikan yang dibaca yang menjejaskan jawapan-jawapan dalam latihan atau ujian kefahaman.

Dalam hal ini, kaedah melaksanakan anotasi telah dikenal pasti sebagai satu strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dalam meningkatkan kefahaman membaca murid.

PERNYATAAN MASALAH

Guru prihatin terhadap pencapaian murid dalam bahagian kefahaman subjektif. Secara umumnya, ramai murid lemah dalam menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif. Berdasarkan dua latihan kefahaman yang diberikan kepada murid Darjah 5 (2020) pada awal tahun, didapati bahawa 84% murid gagal mendapat sekurang-kurangnya 12 daripada 20 markah dalam latihan Kefahaman 1 dan 73% murid gagal mendapat sekurang-kurangnya 12/20 markah dalam latihan Kefahaman 2. Markah ini tidak termasuk bahagian kosa kata dalam komponen kefahaman. Guru-guru mendapati kebanyakan murid tidak berupaya menjawab soalan kefahaman dengan tepat kerana mereka kurang memahami kandungan teks yang dibaca. Murid-murid yang gagal



kebanyakannya merupakan murid-murid praaras berkebolehan dan pada aras berkebolehan yang mempunyai masalah menganalisis teks.

Berdasarkan keprihatinan ini, guru-guru telah mengenal pasti kelemahan murid semasa membuat latihan kefahaman subjektif iaitu kelemahan dalam pemahaman teks. Maka itu, guru meneroka strategi-strategi pengajaran yang berkesan dan akan dapat membantu murid memahami petikan kefahaman dan mengatasi kelemahan mereka itu.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan kaedah anotasi untuk membantu murid memahami petikan kefahaman; dan
2. menilai pencapaian murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman.

KAJIAN LEPAS

Butler (2010) dalam hasil dapatan kajiannya menunjukkan bahawa penggunaan strategi yang pelbagai dalam pengajaran kefahaman yang eksplisit amat berkesan untuk membina pemahaman murid tentang teks yang dibaca. Penggunaan arahan-arahan yang eksplisit dengan contoh-contohan menjurus kepada pengajaran yang berpusatkan murid akan menghasilkan PdP yang berkesan.

Brown (2007) menjelaskan bahawa keupayaan membaca merupakan satu perkara yang penting namun memahami apa yang dibaca merupakan satu perkara yang lebih penting dalam aktiviti membaca. Beliau menekankan keberkesanan teknik anotasi dapat membantu murid membaca. Brown banyak menggunakan teknik bertanya dalam membimbing murid mengaitkan apa yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada murid.



Menurut Carol Porter-O'Donnel (2004) pula, teknik anotasi membantu murid memahami teks bacaan dan pemahaman. Teknik anotasi teks juga membantu murid menjadi pembaca yang aktif. Hal ini berlaku kerana murid dilatih untuk membuat catatan yang bermakna semasa membaca.

Falsafah Kurikulum Singapura menyatakan bahawa pembelajaran murid dapat berkembang melalui pembangunan kemahiran berfikir dan perwatakan serta apabila murid membina pengetahuan secara aktif. Dengan itu, strategi menggunakan anotasi untuk memahami petikan kefahaman menyokong falsafah tersebut dan merangsang PdP.

KAEDAH KAJIAN

Anotasi teks merupakan strategi menulis-untuk-belajar yang digunakan semasa membaca. Strategi ini boleh menolong murid mencapai tahap pemahaman yang lebih mendalam dan menggalakkan murid membaca dengan tujuan. Ini membuat murid 'berdialog dengan teks' dan lantas menjadikan pemikiran mereka jelas tentang teks tersebut. Menurut Zimmermann (2003), jika murid tidak memahami apa yang dibaca, mereka tidak akan mengamalkan budaya membaca dan tidak akan berasa seronok semasa membaca. Namun menurut beliau lagi, masalah ini boleh ditangani dengan memperkenalkan beberapa kemahiran membaca seperti visualisasi, bertanya soalan dan membuat inferens. Oleh itu, guru memilih kaedah untuk menggunakan anotasi teks bagi membantu murid memahami petikan yang dibaca.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 55 orang murid Darjah 5 Kelas Bahasa Melayu. Mereka terdiri daripada murid praaras kebolehan dan pada aras kebolehan. Secara umum, tahap kemahiran pemahaman membaca murid agak sederhana. Sebelum kajian ini dijalankan, murid sudah dilengkapi dengan pengetahuan asas tatabahasa bahasa Melayu dan didedahkan kepada strategi membaca.



Instrumen Kajian

Kajian pembelajaran ini menggunakan beberapa instrumen kajian. Salah satu instrumen kajian yang digunakan ialah Latihan Kefahaman 1 dan 2 dalam Pakej Kefahaman sebagai praujian 1 dan praujian 2. Komponen kefahaman dalam peperiksaan SA2 telah digunakan sebagai pascaujian. Kad 'Carta Anotasi Saya', borang soal selidik dan borang refleksi juga telah digunakan dalam kajian ini.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah berlangsung selama 7 minggu sepanjang 7 sesi pengajaran. Secara keseluruhan, murid telah diberikan 2 latihan kefahaman praujian, 2 latihan kefahaman yang telah ditunjuk cara menganotasi oleh guru dan 3 latihan kefahaman sendiri sebelum mereka menduduki peperiksaan SA2.

1. Tahap Tinjauan


Sebelum kajian ini dimulakan, guru telah menilai prestasi murid dalam menjawab soalan kefahaman berdasarkan dua latihan kefahaman yang dijalankan. Semasa membuat latihan kefahaman, murid telah didedahkan kepada strategi menjawab soalan kefahaman seperti mengaitkan kata kekunci dengan soalan kefahaman. Berdasarkan latihan-latihan kefahaman tersebut, guru dapati bahawa murid tidak berjaya untuk mendapat markah yang cemerlang kerana mereka kurang memahami petikan yang diberikan. Guru bercadang untuk memperkenalkan kaedah anotasi untuk membantu murid memahami petikan dengan lebih mendalam.

2. Tahap Perancangan dan Pelaksanaan

Guru menyediakan kad 'Carta Anotasi Saya' yang mengandungi cara melakukan anotasi dalam petikan kefahaman. Kad ini bertujuan untuk membimbing murid melakukan anotasi ketika membaca petikan tersebut. Sebelum murid didedahkan kepada kaedah menganotasi teks, guru telah memberitahu murid tentang objektif pengajaran iaitu untuk memahami petikan kefahaman dengan membuat anotasi. Kemudian, setiap murid diberikan kad 'Carta Anotasi Saya'. Guru mengajar murid cara-cara menggunakan kad itu semasa membuat anotasi petikan kefahaman.



Rajah 1 : Kad Anotasi Teks



Seterusnya, guru menggunakan kaedah pengajaran berdasarkan *Gradual Release of Responsibility* (GRR) yang dikemukakan oleh Pearson dan Gallagher (Fisher, 2008). Pengajaran dapat dijalankan secara bertahap agar murid bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka selaras dengan kemahiran yang telah mereka pelajari. Bermula dengan pengajaran berfokus dan pengajaran berpandu, murid kemudian mendapat peluang untuk menunjukkan pemahaman mereka melalui tugasan yang diberikan secara sendiri.

3. Tahap Pemantauan

Melalui pemantauan guru, murid berupaya untuk berinteraksi dengan petikan yang dibaca walaupun tahap pemahaman mereka berbeza. Terdapat murid yang berjaya menganotasi petikan dengan lebih mendalam manakala ada murid yang hanya dapat menganotasi petikan secara ringkas sahaja. Namun, mereka dapat menggunakan simbol yang betul berdasarkan kad carta yang diberikan. Mereka juga berupaya untuk menulis nota, mengaitkan klu kontekstual dengan watak dalam petikan dan menyertakan nilai yang sesuai bagi watak tersebut.

Amalan Pengajaran Singapura (STP)

Kajian ini selaras dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang memberikan tumpuan pada tiga proses pengajaran, iaitu Penyediaan Pelajaran, Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas. Maklumat ringkas mengenai STP terdapat dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran (AP)	Pertimbangan/ Aktiviti Mengajar (AM)
Penyediaan Pelajaran	<p>AP6: Menentukan Objektif Pelajaran</p> <p>AP7: Mengambil Kira Profil Pelajar</p> <p>AP11 : Menetapkan Strategi Pengajaran</p>	<p>AM2 : Kesejajaran dengan sukatan pelajaran dan penilaian Kefahaman merupakan salah satu komponen yang diuji dalam peperiksaan.</p> <p>AM1 : Memahami pelajar Murid yang terlibat dalam kajian terdiri daripada murid pra aras kebolehan dan aras kebolehan. Mereka gemar pembelajaran secara aktif dan lebih cenderung terhadap pembelajaran secara visual.</p> <p>AM3 : Memilih strategi pengajaran agar pelajar mampu mengaplikasi atau mempamerkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang ingin dicapai. Guru memilih strategi menganotasi petikan kefahaman untuk meningkatkan pemahaman murid terhadap petikan tersebut</p>
Pelaksanaan Pelajaran	AP17 : Memberikan Penerangan yang Jelas	<p>AM2 : Melakukan Tunjuk Cara Guru telah menyediakan kad 'Carta Anotasi Saya' dan menunjukkan cara menganotasi dua petikan kefahaman dengan menggunakan kad tersebut.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	AP23 : Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri	<p>AM1 : Mempamer Pemahaman Saya Murid telah menunjukkan pemahaman mereka terhadap petikan kefahaman dengan membuat anotasi secara sendiri dan kemudian menjawab soalan-soalan kefahaman tanpa bantuan guru.</p>

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data yang digunakan dalam kajian ini mengambil kira respons murid terhadap soalan-soalan dalam borang soal selidik, markah bagi dua latihan kefahaman pada awal tahun dan markah komponen kefahaman peperiksaan SA2, serta refleksi murid terhadap kaedah menganotasi petikan kefahaman. Jadual 2 di bawah ini menunjukkan peratusan respons murid berdasarkan soalan-soalan yang diajukan dalam Borang Kaji Selidik.




Jadual 2: Peratusan Respons Murid Berdasarkan Soalan Dalam Borang Soal Selidik

	☺ Ya (%)	☹ Tidak pasti (%)	⊗ Tidak (%)
Saya...			
1 pelajar cara menganotasi petikan kefahaman melalui contoh yang ditunjukkan oleh guru.	100	-	-
2 tahu menggunakan 'Carta Anotasi Saya'.	91	9	-
3 boleh menganotasi petikan kefahaman saya sendiri.	82	18	-
4 berpendapat bahawa menganotasi petikan kefahaman membantu saya memahami isi teks kefahaman.	100	-	-
5 boleh menjawab soalan kefahaman dengan lebih baik setelah membuat anotasi untuk petikan kefahaman saya.	100	-	-

Dapatan daripada borang tersebut menunjukkan bahawa selepas mempelajari cara menganotasi petikan kefahaman melalui contoh yang ditunjukkan oleh guru, semua murid akui bahawa mereka dapat memahami petikan kefahaman dengan lebih baik.

Rajah 2 : Peratusan Markah Praujian dan Pascaujian



Markah yang diperoleh murid yang terlibat dalam kajian ini telah dipantau dan diteliti bagi tujuan analisis. Markah bagi dua latihan kefahaman pada awal tahun telah digunakan untuk dibandingkan dengan markah komponen kefahaman peperiksaan SA2. Dapatan kajian kuantitatif yang digambarkan di atas menunjukkan bahawa murid menunjukkan peningkatan dalam menjawab soalan-soalan kefahaman dengan menggunakan kaedah membuat anotasi.

Setelah pencelahan, 67% murid telah mendapat 12 markah atau lebih dalam komponen tersebut berbanding dengan pencapaian mereka sebanyak 16% dan 27% sahaja dalam praujian. Pendekatan kajian pengajaran yang dijalankan telah membuahkan hasil yang positif dari segi pencapaian murid dan pengajaran guru.

KESIMPULAN

Penggunaan kaedah membuat anotasi untuk petikan kefahaman ini telah meningkatkan keyakinan murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman. Ini terbukti apabila murid menunjukkan peningkatan dalam prestasi mereka untuk komponen kefahaman dalam peperiksaan SA2.

Kajian yang menerapkan elemen STP ini membantu guru supaya lebih peka terhadap profil murid, pilihan pembelajaran dan strategi yang sesuai dan tepat bagi murid pelbagai kebolehan. Hasil daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa murid lebih memahami kaedah menganotasi petikan kefahaman apabila guru telah melakukan tunjuk cara menganotasi secara eksplisit.

Secara keseluruhan, murid menyatakan bahawa mereka berupaya menjawab soalan kefahaman dengan lebih baik setelah mereka mempelajari kaedah membuat anotasi untuk membuat kefahaman.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Mohamad Zareen Mohd Shariff
2. Khaireen Faezah Abdul Rahim



RUJUKAN

- Brown, Matthew D. (2007) *"I'll Have Mine Annotated, Please: Helping Students Make Connections with Text."* English Journal.96-4. (March 2007): 73-78.
- Carol Porter-O'Donnell (2004). *Beyond the Yellow Highlighter: Teaching Annotation Skills to Improve Reading Comprehension* English Journal, Vol. 93, No. May 2004
- Fisher, Douglas D. (2008). An Effective Use of the Gradual Release of Responsibility Model, dipetik pada 2 January 2018 dari https://www.mhonline.com/_treasures/pdf/douglas_fisher.pdf
- Shari Butler, Kelsi Urrutia, Anneta Buenger & Marla Hunt. (2010). *A Review of the current research on comprehension instruction.*
- Zimmermann, S., & Hutchins, C. (2003). *7 Keys to Comprehension: How to Help Your Kids Read It and Get It!* New York, NY: Three Rivers Press.

